

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA
MERICAN**

(KEPALA BATAS)

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [

KEPALA BATAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan

perincian jumlah penerima BR1M di Pulau Pinang berdasarkan

perkara berikut:-

- a. jumlah penerima mengikut kaum; dan
- b. jumlah penerima mengikut kawasan Parlimen; jantina penerima mengikut kawasan Parlimen.

JAWAPAN

Kementerian Kewangan tidak merekodkan penerima BR1M mengikut

kaum. Berikut adalah statistik penerima BR1M mengikut kawasan Parlimen

bagi negeri Pulau Pinang.

NEGERI	LULUS KESELURUHAN	LULUS KESELURUHAN		
		RM650	RM450	RM300
PULAU PINANG	385,220	241,073	25,321	118,826
P41 KEPALA BATAS	30,029	18,306	1,910	9,813
P42 TASEK GELUGOR	25,260	15,149	1,731	8,380
P43 BAGAN	26,233	16,289	1,485	8,459
P44 PERMATANG PAUH	29,941	17,284	2,030	10,627
P45 BUKIT MERTAJAM	45,460	28,654	2,691	14,115
P46 BATU KAWAN	25,964	16,445	1,691	7,828
P47 NIBONG TEBAL	32,422	20,552	1,978	9,892
P48 BUKIT BENDERA	20,809	13,976	1,246	5,587
P49 TANJONG	15,931	10,476	783	4,672
P50 JELUTONG	32,087	21,192	2,015	8,880
P51 BUKIT GELUGOR	35,079	22,431	2,373	10,275
P52 BAYAN BARU	31,025	19,531	2,589	8,905
P53 BALIK PULAU	34,980	20,788	2,799	11,393

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA
MERICAN [KEPALA BATAS]**

SOALAN :

**Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta
MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan**
perincian kejayaan semasa Program B5 (biodiesel sawit) setakat tahun
2014 ini. Apakah potensi untuk ianya diperluaskan ke seluruh negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Program B5 (adunan 5% biodiesel sawit dengan 95% diesel petroleum) bagi sektor bersubsidi (pengangkutan darat dan perikanan) yang telah dimulakan pada Jun 2011, telah pun dilaksanakan sepenuhnya di Semenanjung mulai Mac 2014. Semenjak pelaksanaan Program B5:

- a) diesel dijual di sebanyak 2,832 stesen minyak di Semenanjung adalah B5; dan
- b) penggunaan sebanyak 650,000 tan minyak sawit untuk Program B5 bagi tempoh Jun 2011 sehingga September 2014.

Program B5 akan diperluaskan ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan secara berfasa dan dilaksanakan sepenuhnya mulai Januari 2015.

Tuan Yang Di-pertua,

Bagi memperkukuhkan penggunaan biodiesel sawit dalam negara, Kementerian telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak-pihak yang terlibat, termasuk pengeluar kenderaan automotif bagi meningkatkan kadar adunan. Hasil daripada perbincangan tersebut, Kerajaan pada 28 Oktober 2014 telah mengumumkan bahawa kadar adunan akan dinaikkan ke B7 (adunan 7% biodiesel sawit dengan 93% diesel petroleum) bagi sektor bersubsidi mulai bulan November 2014.

Dalam hal ini, Program B7 akan dilaksanakan sepenuhnya di seluruh negara mulai Januari 2015. Pelaksanaan sepenuhnya Program B7 di seluruh negara akan menggunakan sebanyak 575,000 tan minyak sawit setahun.

Selain itu, Kementerian juga sedang berbincang dengan pihak-pihak yang terlibat bagi memperluaskan program biobahan api ke sektor tidak bersubsidi (sektor industri dan janakuasa).

Sekian, terima kasih.